

Kayuh basikal sambil berbusana klasik

130 peserta mengelilingi pekan Rembau sejauh 10 kilometer

Oleh NORAFIDAH ASSAN
REMBAU

Seramai 130 peserta mengayuh basikal sambil memperagakan busana klasik sempena program Kayuhan Santai Basikal Klasik Rembau di sini, Sabtu lalu.

Menariknya, terdapat peserta mengenakan busana tradisional mengikut bangsa, pasukan beruniform, bahkan pakaian penduduk kampung zaman dahulu.

Salah seorang peserta, Bahri Anshary yang juga Pengurus Kelab Sepeda Klasik Kinta, Perak tidak mahu ketinggalan menyertai program itu dengan memakai busana tradisional bersongket.

"Saya beli pakai-an ini dengan harga RM250 di kedai ter-pakai enam tahun lalu. Pakaian ini juga pernah dipakai dalam beberapa acara kayuhan basikal tua sebelum ini," katanya.

Seorang lagi peserta, Musa Sidek, 59, dari Seremban memilih untuk mengenakan pakaian beruniform pasukan polis persekutuan Tanah Melayu.



BAHRI



MUSA

Kata Musa, kebiasaan orang memanggil pakaian bera-kenaan sebagai uniform polis Bukit Kepong dan membelynnya di kedai pakaian terpakai.

"Kayuhan santai ini memberi kepuasan kepada saya sebab se-fain busana klasik saya juga me-minati barang antik," jelasnya.



Bahri mengenakan busana bersongket sambil mengayuh basikal tua.

Sementara itu, pengajur program, Abd Latif Alias berkata, kayuhan itu mendapat sambutan menggalakkan apabila ada peserta yang datang dari negeri lain seperti Perlis, Kedah, Perak, Pahang, Melaka dan Johor.

"Ia melibatkan kayuhan se-jauh 10 kilometer (km) yang turut melalui Stesen KTM Rembau,

Pekan Rembau dan kampung-kampung berdekatan.

"Terdapat juga peserta dalam kalangan kaum Cina dan India. Kita berharap pengajuran pro-gram seperti ini sempena sambutan Hari Malaysia dapat menyatukan semua tidak kira agama maupun bangsa," ujar beliau.



Sebahagian daripada 130 peserta Kayuhan Santai Basikal Klasik Rembau yang berlangsung Sabtu lalu.



Kayuhan sejauh 10 kilometer bermula dari pekan Rembau.